



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**PENGESAHAN PAKAR BAGI KONSTRUK AS-SYAJA'AH  
DALAM INSTRUMEN KEMENJADIAN MURID SEKOLAH  
MENENGAH**

*EXPERT VERIFICATION FOR THE INSTRUMENT OF SYAJA'AH CONSTRUCT  
TOWARDS SECONDARY SCHOOL STUDENTS' OUTCOME*

Mohamad Khairi Haji Othman<sup>1\*</sup>, Mohd Faiz Mohd Yaakob<sup>2</sup>, Normah Zakaria<sup>3</sup>, Shuhairimi Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia  
Email: m\_khairi@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia  
Email: mohd.faiz@uum.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Email: norma@uthm.edu.my

<sup>4</sup> Center of Communication Technology and Human Development, Universiti Malaysia Perlis  
Email: shuhairimi@unimap.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.04.2022

Revised date: 20.05.2022

Accepted date: 09.08.2022

Published date: 05.09.2022

**To cite this document:**

Haji Othman, M. K., Yaakob, M. F. M., Zakaria, N., & Abdullah, S. (2022). Pengesahan Pakar Bagi Konstruk *As-Syaja'ah* Dalam Instrumen Kemenjadian Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 304-317.

**Abstrak:**

Dewasa ini terlalu banyak persoalan yang timbul berkaitan penilaian kemenjadian pelajar. Penilaian pendidikan di negara hari ini lebih menumpukan kepada pencapaian akademik pelajar dengan mengabaikan perkembangan lain. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan pakar dan persepakatan mengenai indikator kemenjadian pelajar berdasarkan teori Ibn Miskawayh dalam misi membentuk pelajar mengikut acuan Islam khususnya dalam aspek *As-Syaja'ah*. Dalam kajian ini kaedah Fuzzy Delphi dengan skala 7 Likert digunakan untuk mengumpulkan maklum balas 15 orang pakar dalam pelbagai bidang pendidikan di universiti awam dan sektor kerajaan. Sebanyak 20 item soal selidik telah diberikan kepada pakar untuk dinilai. Kaedah Fuzzy Delphi digunakan untuk analisis data. Data dianalisis menggunakan penomboran dan kedudukan pangkat setiap pembolehubah ditentukan menggunakan proses *defuzzication*. Hasil kajian menunjukkan bahawa, maklum balas dan persepakatan pakar mengenai pembentukan kemenjadian murid dari aspek *As-Syaja'ah* berada pada tahap yang baik. Dapatan keseluruhan kesepakatan persetujuan pakar melebihi 75%, nilai keseluruhan *threshold (d)* kurang daripada 0.2 dan  $\alpha$ -cut melebihi 0.5.

DOI: 10.35631/IJEPC.747027

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

Faktor keutamaan disusun mengikut pemeringkatan dan diperhalusi dengan menambah dan mengugurkan item seperti yang disyorkan oleh pakar.

**Kata Kunci:**

*As-Syaja'ah; Delphi Fuzzy; Instrumen; Kemenjadian Pelajar*

**Abstract:**

At present, too many questions arise regarding the assessment of student and educational outcomes. Educational assessment in the country today focuses more on the academic achievement of students which ignores other developments. Therefore, this study aimed to get expert views and consensus on the indicator of student outcome based on Ibn Miskawayh's theory in the mission of shaping students according to the true Islamic mold especially in the aspect of *As-Syaja'ah*. This study employ Fuzzy Delphi method using a 7 Likert scale to collect responses of 15 experts in various fields of education at public universities and government sector in Malaysia. A total of 20 item questionnaire was given to experts for evaluation. Fuzzy Delphi method was used for data analysis. Data were analyzed using triangular fuzzy numbering (triangular fuzzy number) and position (ranking) of each variable is determined using the 'defuzzication' process. The findings show that, response and expert consensus on the factors that lead to academic dishonesty are at a good level. The overall findings of the expert consensus agreement exceeds 75%, the overall value of the threshold (d) <0.2 and a  $\alpha$ -cut exceeds 0.5. The priority factors were sorted by priority and were refined by adding and dropping item as recommended by experts.

**Keywords:**

*As-Syaja'ah; Fuzzy Delphi; Instrument; Outcome Student*

**Pendahuluan**

Kemenjadian murid mempunyai perspektif yang berbeza daripada pandangan para sarjana. Perspektif ini berkembang mengikut peredaran zaman. Pengetahuan dan nilai merupakan asas penting dalam membina kekuatan intelektual dan moral manusia. 'Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Haji Othman dan Mohd. Kasri Saidon (2020) juga menjelaskan untuk membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik seseorang perlu menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik tentang nilai.

Nuriman Abdullah & Fauzan Syarifuddin (2017) salah satu aspek terpenting dalam kehidupan sebagai seorang muslim adalah mempunyai nilai moral atau nilai murni yang tinggi. Dalam aspek pendidikan, ia berkaitan dengan mengajar dan mendisiplinkan para pelajar agar mempunyai akhlak dan ciri peribadi yang terbaik. Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk nilai di kalangan pelajar, bahkan menjadi budaya kuat dalam sesebuah masyarakat.

Manakala, menurut Ibn Miskawayh pula melalui bidang pendidikan, ia mampu mewujudkan nilai susila yang menggambarkan sifat-sifat yang dianggap sebagai budi pekerti yang mulia dalam kalangan pelajar (H. Afifuddin 2017). Penerimaan pelajar dalam keadaan usia yang lebih muda dari aspek umur terhadap sesuatu pembelajaran yang berlaku dalam proses pendidikan adalah lebih mudah dan telus berbanding dengan orang yang telah meningkat dewasa. Oleh

yang demikian, bagi mencapai matlamat pendidikan seperti yang dikehendaki maka kajian dalam memahami karektor atau watak seseorang manusia atau individu perlu dikaji sepenuhnya.

Mohd Zamani Ismail dan Fatimi Hanafi (2006) menyatakan bahawa ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan kelakuan mereka terarah kepada perlakuan negatif dan cenderung untuk berlakunya keruntuhan akhlak akibat daripada penghayatan akhlak yang lemah (Harery Abu Saad, 2007). Justeru, timbul pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh banyak pihak terutama guru dalam membentuk nilai murni dalam kalangan remaja khususnya insan yang bergelar pelajar (Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Alis Puteh & Nurfasihah Roslan, 2017).

### **Pernyataan Masalah**

Secara umumnya pihak sekolah dan para guru berusaha melaksanakan pendidikan nilai sebagaimana yang dikehendaki. Hakikatnya para guru berhadapan dengan pelbagai cabaran. Mereka menghadapi kesukaran untuk menghubungkaitkan isi pelajaran dengan nilai murni, kelemahan pedagogi untuk menerapkan nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar, kekangan masa kerana terikat dengan sukatan pelajaran, anggapan bahawa tugas menerapkan nilai merupakan tanggungjawab guru Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam sahaja (Amin Senin & Roziah Abdullah, 2018).

Pihak sekolah juga sering berasa kecewa kerana beranggapan usaha penerapan nilai yang dilakukan oleh guru-guru tidak mendapat sokongan daripada pihak masyarakat dan ibu bapa (Amin Senin & Roziah Abdullah, 2018). Pihak sekolah beranggapan nilai-nilai tersebut hanya relevan di sekolah sahaja. Keresahan ini bukan berpunca kerana bilangan nilai-nilai atau penerimaan kemurnian nilai-nilai tersebut tetapi kerana kesamaran wujudnya sistem nilai yang diterima pakai oleh semua pihak. Pada dasarnya semua nilai murni atau universal sama baiknya dan sama pentingnya. Walau bagaimanapun pemilihan dan keutamaan nilai-nilai murni itu pasti berbeza-beza mengikut kriteria pemilihan dan konteks pengamalannya. Suatu kerangka yang mengatur prioriti dan contextualization nilai-nilai murni tersebut perlu ditetapkan. Untuk memperkukuh budaya nilai dan perpaduan dalam sistem pendidikan, anjakan ke-3 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah membuat ketetapan untuk “melahirkan rakyat yang menghayati nilai” dan disokong dengan ketetapan anjakan 9: Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

Mohamad Khairi Haji Othman et. al. (2017) menyatakan bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar adalah suatu perkara yang sukar kerana banyak halangan dan cabaran yang perlu ditempuhi bagi membentuk diri individu menjadi seorang yang mengamalkan dan menghayati nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni ini adalah sebagai tanggapan tentang perkara-perkara yang dihayati dan pada masa yang sama menjadi kriteria serta ukuran.

Dalam menentukan kriteria dan ukuran yang tepat dan sesuai untuk dijadikan sebagai indikator kemenjadian murid berdasarkan kepada teori Ibu Miskawayh, beberapa langkah dan prosedur penting perlu dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan bahawa item indikator yang dipilih adalah tepat dan menggambarkan situasi sebenar keadaan nilai, budi pekerti, perilaku, watak atau karektor seseorang pelajar. Bagi memastikan tiada sebarang keadaan kurang jelas berlaku seperti kekeliruan dan kekaburan yang melibatkan item indikator kajian yang dijalankan ini

maka penyelidik mencadangkan menggunakan teknik Fuzzy Delphi untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap setiap item indikator yang digunakan dalam kajian ini.

## Tinjauan Literatur

### ***Konsep Kemenjadian Murid***

Definisi kemenjadian ialah perihal (proses) menjadikan, menciptakan dan mewujudkan sesuatu yang baru (Kamus Dewan, 1984). Menjadi pula bermaksud untuk dikenali, dianggap atau diiktiraf terhadap sesuatu yang sebenar-benarnya telah berlaku. Mohd Asran (2011) mendefinisikannya sebagai indikator penerimaan ilmu yang dapat diukur melalui perubahan tingkah laku, atau lebih dikenali sebagai kemenjadian pelajar dan proses ini berterusan hingga ke akhir persekolahan. Manakala menurut Raihan dan Kamarul (2008), kemenjadian pelajar di sini membawa maksud pelajar yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap serta berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.

Kemenjadian pelajar berdasarkan dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 ialah keupayaan pelajar yang terbentuk hasil daripada peningkatan ilmu, penguasaan kemahiran yang merangkumi kemahiran insaniah, teknik dan kompetitif secara kreatif dan inovatif; peningkatan sikap, peningkatan etika dan nilai murni, peningkatan sahsiah serta peningkatan kecerdasan yang merangkumi pembangunan kebijaksanaan, kecerdasan akal, emosi, spiritual dan kecerdasan fizikal. Secara mudahnya, kemenjadian pelajar membawa maksud perihal pelajar di dalam bidang akademik, kokurikulum serta pembangunan sahsiah yang membawa kejayaan kepada sesebuah sekolah dalam menghasilkan pendidikan yang berkualiti tinggi.

Kemenjadian pelajar juga merujuk kepada satu tahap pencapaian yang boleh diukur dan dibandingkan. Penilaian boleh dibuat dengan pelbagai pendekatan untuk membuktikan keberkesanan proses pembelajaran dan pencapaian objektif (Hee, 2014). Kemenjadian pelajar tidak hanya ditentukan oleh satu aspek saja, bahkan lebih tertumpu kepada perkembangan semua potensi pelajar secara menyeluruh dan komprehensif. Dalam erti kata lain, kemenjadian pelajar perlu dilihat dari semua aspek termasuklah pencapaian akademik, kemahiran berfikir, tingkah laku, sahsiah dan kemahiran sosial secara bersama. Secara konsep, kemenjadian boleh didefinisikan sebagai peningkatan yang ditunjukkan seseorang dalam tindakan, pemikiran, pengetahuan, tingkah laku dan sebagainya (McBeath, 1992). Hal ini bermakna peningkatan yang ditunjukkan pelajar dalam aspek pemikiran, sahsiah dan pengetahuan menunjukkan status kemenjadian pelajar tersebut.

### ***Pembentukan Kemenjadian Murid dalam Aspek As-Syaja'ah***

Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (2014), keberanian bermaksud kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. Menurut M. Iqbal Dawami (2014) *as-syaja'ah* bermaksud keberanian. Keberanian memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian diri murid untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Secara etimologi, perkataan *as-syaja'ah* berasal daripada bahasa arab iaitu berani dan gagah. Perkataan lain bagi definisi *as-syaja'ah* adalah kekuatan hati, kuat pendirian, berani membela dan mempertahankan sesuatu yang hak secara gigih dan terpuji apabila menghadapi kesulitan. Secara keseluruhannya, *as-syaja'ah* bererti berani yang berlandaskan kepada kebenaran dan dilakukan dengan penuh pertimbangan. Sifat *as-syaja'ah* merupakan satu sikap pemikiran

seseorang yang dapat menguasai jiwa dan perbuatannya tanpa keraguan dalam melakukan sesuatu sama ada pendidikan yang berasal dari sekolah mahupun pendidikan yang diajarkan di rumah.

Syafa'atul Jamal (2017) telah mengemukakan nilai *as-syaja'ah* yang bermaksud keberanian yang mana jiwa yang melahirkan emosi keberanian. Menurut teori pemikiran Ibnu Miskawih, wujudnya sifat keberanian dalam diri seseorang secara rasionalnya akan mendorong seseorang itu berani melakukan perbuatan-perbuatan yang baik dan sentiasa bersabar terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi dengan cara yang terpuji. Sikap seperti tabah dan berjiwa besar yang ditonjolkan menggambarkan keberanian yang diperlukan untuk mengecapi kejayaan yang diimpikan.

Seterusnya N. Nizar (2016) mengetengahkan konsep *as-syaja'ah* (keberanian) merupakan keutamaan dari jiwa *al ghadabiyyah*. Keutamaan ini muncul pada manusia sewaktu nafsunya dibimbing oleh jiwa dan *nathiqah*. Dalam konteks ini, seseorang itu tidak takut melakukan perkara-perkara yang besar selagi mana perlakasanaanya membawa kepada kebaikan dan mempertahankannya adalah merupakan hal yang terpuji. Sifat ini merupakan pertengahan antara pengecut, *al jubn* dengan nekad, *al tahawwur*. *Al Jubn* adalah takut terhadap sesuatu yang seharusnya tidak ditakuti. Sebab itu *al jubn* digolongkan sebagai ekstrem kekurangan. Ada pun *al tahawwur* adalah tergolong dalam sifat berani terhadap sesuatu yang seharusnya. Oleh sebab itu, *al tahawwur* digolongkan sebagai ekstrem kelebihan.

Hasil pendidikan untuk menjadi peribadi *as-syaja'ah* sememangnya mempunyai proses atau kaedah pendidikan terlebih dahulu. Sebab terkumpulnya informasi dan pengetahuan sebahagian besar boleh diperolehi dalam pendidikan dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Kesimpulannya, sifat *as-syaja'ah* merangkumi pelbagai aspek untuk membentuk kemenjadian murid. Peranan *as-syaja'ah* menunjukkan keberanian dalam menghadapi pelbagai risiko yang merbahaya dan kesulitan. Pembentukan kemenjadian murid perlu diterapkan dengan sifat berani melawan perkara yang dilarang dalam Islam.

## Metodologi Kajian

### *Maklumat Pakar*


Dalam fasa ini, panel pakar dipilih melalui pensampelan purposive untuk menilai modul. Dalam kaedah Delphi, pemilihan pakar adalah langkah terpenting kerana ia mempengaruhi kualiti hasil kajian (Jacobs, 1996). Pensyarah yang mempunyai pengalaman lebih daripada lima tahun diklasifikasikan sebagai pakar kerana mereka mempunyai pengalaman mengajar secara berterusan (Berliner, 2004). Menurut Akbari dan Yazdanmehr (2014), istilah ahli dalam bidang pendidikan merujuk kepada individu yang mempunyai lebih daripada lima tahun berdasarkan pengalaman khusus mereka. Dalam usaha untuk mencapai matlamat khusus, Linstone dan Turoff (2002) mencadangkan panel pakar dari 5 hingga 10. Okoli dan Pawlowski (2004) mencadangkan 10 hingga 18 pakar untuk mengesahkan model tersebut. Menurut Gordon (2009), bilangan pakar yang dipilih adalah antara 15 hingga 35 pakar untuk menjamin hasil penyelidikan yang komprehensif dan boleh dipercayai. Selepas mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan, bilangan pakar yang dipilih untuk menilai dan mengesahkan model telah ditetapkan kepada 15 orang sahaja.

**Jadual 1: Maklumat Pakar**

		Bil
Jantina	Lelaki	9
	Perempuan	6
Kelayakan Akademik	PhD	12
	Master	3
Pekerjaan di	IPTA/IPTS	9
	IPGM	1
	KPM/JPN	2
	Sekolah	3

### Proses Pengumpulan dan Analisis Data

Dalam teknik *Fuzzy Delphi* ada dua istilah yang perlu difahami iaitu *Triangular Fuzzy Number* dan proses *Defuzzification*. *Triangular Fuzzy Number* mewakili nilai  $m_1$ ,  $m_2$  dan  $m_3$  dan ia ditulis seperti ini  $(m_1, m_2, m_3)$ . Nilai  $m_1$  mewakili nilai minimum, nilai  $m_2$  mewakili nilai munasabah manakala nilai  $m_3$  mewakili nilai maksimum. Manakala *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk menghasilkan skala Fuzzy (yang sama seperti skala Likert) bagi tujuan menterjemahkan pembolehubah linguistik kepada nombor fuzzy. Bilangan tahap bagi skala *Fuzzy* adalah dalam bilangan ganjil. Lebih tinggi skala Fuzzy, lebih tepat data yang diperolehi. Ia dapat dijelaskan dalam Rajah 1



**Rajah 1: Aras Persetujuan Skala Fuzzy. Adaptasi Dari “Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk.”**

Sumber: Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar (2014).



Dalam kajian ini, proses pengumpulan dan penganalisaan teknik Fuzzy Delphi dilaksanakan apabila pakar diberikan item dan setiap instrumen diwakili oleh skala Likert serta ruangan kosong untuk komen serta cadangan pakar. Data skala *likert* yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan program *Excel*. Semua data ditukarkan ke dalam bentuk *Triangular Fuzzy Number*. Skala Fuzzy lima poin digunakan dalam kajian ini. Ia dapat dilihat dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Jadual Lima Point Skala Fuzzy**

Aras Persetujuan Skala Fuzzy
Sangat tidak setuju 0.0, 0.0,0.2
Tidak setuju 0.0, 0.2,0.4
Sederhana setuju 0.2, 0.4,0.6
Setuju 0.4, 0.6,0.8
Sangat setuju 0.6, 0.8,1

Rajah 1 menunjukkan bahawa semakin tinggi nombor pada skala, semakin tepat data yang diperolehi. Di dalam kajian ini, pengkaji memilih skala linguistik lima poin seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan skala kajian aras persetujuan skala Fuzzy Skala Likert, Sangat tidak setuju 0.0, 0.0,0.2; Tidak setuju 0.0, 0.2,0.4; Sederhana setuju 0.2, 0.4,0.6; Setuju 0.4, 0.6,0.8 4; dan Sangat setuju 0.6, 0.8,1 Data-data kemudian dijadualkan untuk mendapatkan nilai Fuzzy ( $n_1, n_2, n_3$ ) serta nilai purata Fuzzy ( $m_1, m_2, m_3$ ) bagi mendapatkan nilai threshold, peratusan konsensus pakar, defuzzication dan ranking item. Bagi tujuan mendapatkan kesepakatan pakar untuk setiap item, nilai threshold tidak melebihi 0.2. Peratusan persetujuan pakar pula perlu melebihi nilai 75% manakala nilai defuzzication bagi setiap item perlu melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Untuk mendapatkan nilai threshold, jarak di antara dua nombor Fuzzy ditentukan dengan menggunakan formula berikut iaitu :

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

**Rajah 2: Formula Penentuan Jarak Di antara Dua Nombor Fuzzy**

Berdasarkan formula pada Rajah 2, nilai  $d$  adalah nilai threshold. Jika nilai  $d \leq 0.2$ , ia bermaksud kesemua pakar mencapai kesepakatan terhadap item berkenaan. Jika sebaliknya, pusingan kedua perlu dibuat untuk melihat sama ada item tersebut diperlukan atau tidak (Cheng & Lin, 2002). Teknik Fuzzy Delphi juga melibatkan proses menentukan kesepakatan pakar sama ada melebihi atau bersamaan dengan 75% bagi keseluruhan konstruksi atau bagi setiap item. Setiap item diandaikan mencapai kesepakatan pakar jika peratusan kesepakatan pakar untuk item berkenaan adalah sama atau melebihi 75% (Chu & Hwang, 2008). Proses defuzzification turut dilakukan dalam proses penganalisaan data kajian teknik Fuzzy Delphi. Ia adalah proses menentukan kedudukan atau keutamaan bagi setiap item atau untuk

menentukan kedudukan bagi setiap pembolehubah mahupun sub-pembolehubah. Dalam proses ini, terdapat tiga rumus iaitu

- : i.  $A = 1/3 * (m1 + m2 + m3)$  ,  
atau ; ii.  $A = 1/4 * (m1 + 2m2 + m3)$  ,  
atau ; iii.  $A = 1/6 * (m1 + 4m2 + m3)$ .

Nilai  $\alpha$ -cut = nilai median bagi '0' dan '1', dimana  $\alpha$ -cut =  $(0+1)/2 = 0.5$ . Sekiranya nilai A terhasil kurang dari nilai  $\alpha$ -cut = 0.5, item akan ditolak kerana ia menunjukkan kesepakatan pakar dalam menolak item tersebut namun jika nilai A yang terhasil adalah melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5, item akan diterima kerana ia menunjukkan konsensus pakar untuk menerima item berkenaan (Bodjanova, 2006). Selain itu, rasional Teknik Fuzzy Delphi dilakukan berbanding teknik Delphi biasa dalam kajian ini kerana ia menjimatkan masa dan kos dalam mengendalikan soal selidik. Selain itu, ia turut membolehkan para pakar memberikan sepenuhnya pandangan mereka secara konsisten (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al., 2014).

## Dapatan dan Perbincangan

### *Kesahan Konstruk As-Syaja'ah*

Dapatan daripada indikator *as-syaja'ah* dihuraikan mengikut tiga kaedah seperti nilai item melebihi nilai threshold ( $d$ ) = 0.2; Peratus persetujuan pakar melebihi 75% ke atas dan nilai defuzzification bagi setiap item melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Melalui kaedah ini, kesemua melebihi nilai threshold ( $d$ ) = 0.2 dan mempunyai nilai threshold ( $d$ )  $\leq 0.2$ . Manakala Cheng dan Lin (2002) menyatakan, jika nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang daripada nilai threshold 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Kesemua nilai defuzzification bagi setiap item juga melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Ini menunjukkan item-item ini mendapat konsensus dari para pakar. Keseluruhan dapatan ini dinyatakan seperti di Jadual 3.

Manakala yang terakhir sekali adalah konstruk *as-syaja'ah* yang melibatkan pengujian 20 item yang diuji menggunakan FDM bagi mendapatkan konsensus pakar yang telah dilantik dalam kajian ini. Berdasarkan kepada jadual 7, analisis dapatan FDM yang diperolehi mendapati ada beberapa pakar yang tidak seiring dan sekata dengan pakar-pakar yang lain terhadap beberapa item-item tertentu yang menyebabkan tiada konsensus dicapai. Merujuk kepada dapatan tersebut, nilai *threshold* yang melebihi 0.2 adalah pakar 12 dibawah item2, pakar 12 dibawah item5, pakar 11 dibawah item8 dan pakar 12 dibawah item9. Namun berdasarkan nilai  $d$  konstruk yang memaparkan  $d=0.041$  iaitu  $< 0.2$  maka ini menunjukkan secara keseluruhan item di bawah konstruk Al-Hikmah ini mencapai konsensus dari para pakar dan diterima semuanya. Dapatan ini juga disokong dengan peratus persetujuan pakar secara keseluruhan berjumlah 99% yang mana menunjukkan kesemua item berada pada tahap melebihi nilai 75% dan semua nilai defuzzification bagi setiap item juga melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5.

Berdasarkan kepada analisis FDM di atas menunjukkan konstruk *As-Syaja'ah* telah mendapat kesepakatan dan konsensus pakar yang menunjukkan nilai kesepakatan berada pada tahap yang sangat baik. Justeru, dipercayai bahawa kajian ini telah berjaya mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian di mana hasil analisis menunjukkan tahap kesesuaian yang amat



tinggi dalam membentuk profil indikator kemenjadian murid berdasarkan kepada teori pemikiran Ibnu Miskawih.

Dibawah konstruk *as-syaja'ah*, 20 item yang diterima melalui kesepakatan dan konsensus para pakar menggambarkan nilai-nilai seperti berjiwa besar, berani menghadapi rintangan, tinggi cita-cita, tabah, sabar, ketahanan mental dan fizikal perlu disemai kepada para pelajar untuk mencapai tahap kemenjadian murid seperti yang diharapkan. Kesesuaian profil indikator yang telah dibentuk ini telah mendapat kesepakatan para pakar bagi mengukur tahap pencapaian seseorang individu. Dibawah nilai tabah, item yang telah mendapatkan kesepakatan para pakar dengan baik ialah item *Saya sentiasa cekal dalam pembelajaran* yang menggambarkan sifat tabah yang perlu ada pada seseorang individu atau pelajar didapati selari dengan pendapat Syafa'atul Jamal (2017). Menurut beliau lagi bahawa sikap seperti tabah dan berjiwa besar yang ditonjolkan menggambarkan keberanian yang diperlukan untuk mengecapi kejayaan yang diimpikan.

Selain itu, item *Saya berani menanggung risiko dalam melakukan sesuatu aktiviti* juga mendapat konsensus yang sangat baik dari para pakar dimana item ini menggambarkan keberanian menghadapi rintangan selagi yakin apa yang dilakukan membawa kepada kebaikan iaitu konsisten dengan N. Nizar (2016). Menurut N. Nizar (2016) sifat keberanian melakukan perkara-perkara yang besar selagi mana perlakasanaanya membawa kepada kebaikan dan mempertahankannya adalah merupakan hal yang terpuji.

**Jadual 3: Nilai Threshold (d), Peratusan Kesepakatan Pakar, Defuzzification Dan Ranking Item indicator *As-Syaja'ah***

Pakar	Item																			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
1	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
2	0.031	0.108	0.132	0.132	0.118	0.143	0.122	0.096	0.108	0.143	0.132	0.010	0.000	0.020	0.132	0.010	0.031	0.010	0.102	0.010
3	0.031	0.108	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.132	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
4	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
5	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.122	0.064	0.046	0.010	0.020	0.143	0.000	0.132	0.132	0.010	0.122	0.010	0.102	0.143
6	0.122	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.132	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
7	0.122	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
8	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.108	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.143	0.102	0.010
9	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
10	0.122	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.122	0.010	0.051	0.010
11	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.615	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
12	0.031	0.346	0.132	0.132	0.356	0.010	0.122	0.096	0.346	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.102	0.010
13	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
14	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.143	0.122	0.010	0.102	0.010
15	0.031	0.046	0.020	0.020	0.036	0.010	0.031	0.064	0.046	0.010	0.020	0.010	0.000	0.020	0.020	0.010	0.031	0.010	0.051	0.010
Nilai d setiap item	0.733	1.113	0.530	0.530	0.941	0.285	0.733	1.571	1.113	0.285	0.530	0.285	0.000	0.530	0.530	0.285	0.733	0.285	1.018	0.285

Nilai d total item	12.314																			
Nilai d konstruk	0.041																			
Peratus konsensus pakar berdasarkan setiap item	100%	93%	100%	100%	93%	100%	100%	93%	93%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Purata Peratusan Konsensus Kumpulan Pakar bagi Keseluruhan Item	99%																			
Defuzzication (Average of Fuzzy response) (Alpha – cut)	0.95	0.94	0.95	0.95	0.94	0.96	0.95	0.92	0.94	0.96	0.95	0.96	0.97	0.95	0.95	0.96	0.95	0.96	0.93	0.96
Kedudukan (ranking)	13	17	8	8	16	2	13	20	17	2	8	2	1	8	8	2	13	2	19	2

Dapatan analisis ini menunjukkan item-item konstruk *as-syaja'ah* telah mendapat kesepakatan para pakar. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (ranking) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

**Jadual 4. Kedudukan Item Berdasarkan Keutamaan**

ITEM	PENYATAAN	KEDUDUKAN
1	Saya sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik dalam pembelajaran.	13
2	Saya tekad untuk mengekalkan kecemerlangan.	17
3	Saya mempunyai semangat yang tinggi dalam melaksanakan sebarang aktiviti.	8
4	Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang diredhai.	8
5	Saya tekad menjadi seorang yang berakhlak mulia.	16
6	Saya mempunyai keinginan yang tinggi untuk menjadi insan terpuji.	2
7	Walaupun sukar, saya sanggup mencuba sesuatu yang berisiko.	13
8	Saya berani menanggung risiko dalam melakukan aktiviti.	20
9	Saya bersedia bersaing secara sihat dalam menjayakan aktiviti.	17
10	Saya berhasrat untuk terus membantu orang lain.	2
11	Saya cekal dalam pembelajaran.	8
12	Saya tidak pernah berputus asa dalam pembelajaran.	2
13	Saya tetap berusaha walaupun kurang mahir dalam aktiviti yang dijalankan.	1
14	Saya sentiasa istiqamah dalam melakukan perkara baik.	8
15	Saya sentiasa sabar dalam menghadapi kesukaran menuntut ilmu.	8
16	Saya sentiasa sabar dengan kerehnan rakan-rakan semasa menjalankan aktiviti.	2
17	Saya mempunyai ketahanan mental yang kuat dalam menangkis cabaran kehidupan.	13
18	Kesihatan yang baik membuat saya belajar dengan lebih selesa.	2
19	Saya mempunyai stamina dalam melaksanakan aktiviti.	19
20	Saya sentiasa menjaga kesihatan badan untuk penampilan diri yang kemas.	2

## Rumusan

Pembangunan dan pembentukan satu profil indikator kemenjadian murid yang sesuai dan boleh dipercayai dilihat sangat perlu dan tepat pada waktunya. Kewujudan kemudahan seumpama ini diharap boleh digunapakai untuk menentukan nilai dan tahap pencapaian seseorang individu. Setelah melalui analisa FDM, dapatan menunjukkan bahawa item-item dalam konstruk As-Syaja'ah yang dikemukakan diterima sepenuhnya dalam kesepakatan para pakar bagi tujuan pengukuran tahap kemenjadian murid seperti yang dicadangkan dalam kajian ini. Maka penyelidik menyarankan semoga kemudahan yang dibangunkan ini boleh digunakan secara meluas dan menyumbang kepada perkembangan kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

## Penghargaan

Penyelidikan itu disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/SS109/UUM/02/6).

## Rujukan

- 'Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Kasri Saidon. (2020). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islamiyyat*, 42 (Isu Khas): 13-20.
- Akbari, R., & Yazdanmehr, E. (2014). A Critical Analysis of the Selection Criteria of Expert Teachers in ELT. *Theory and Practice in Language Studies*, 4(8), 1653–1658.
- Amin Senin & Roziyah Abdullah. (2018). *Pendidikan nilai dalam konteks falsafah pendidikan negara: Refleksi pelaksanaan di sekolah-sekolah Malaysia*. Kertas kerja Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai, 15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Berliner, David C. (2004). Describing the behavior and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24 (3): 200-212.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7): 879 – 891
- Busyairi Madjidi. (1997). *Konsep kependidikan para filosof muslim*. Yogyakarta: Al Amin Press.
- Cheng, C.H. & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using Fuzzy decision Theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142 (1): 74- 86
- Chu, Hui-Chun & Hwang, Gwo-Jen. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34 (4): 2826-2840.
- Faisal Abdullah (2020). Konsepsi Ibnu Miskawih Tentang Moral, Etika dan Akhlak serta Relevansinya bagi pendidikan Islam. *Journal of Research and Thought of Islamic Education*, 3 (1): 39-58
- Gordon, Theodore J. (2009). The real-time Delphi method. *Futures research methodology version*, 3: 19.
- H. Afifuddin (2017). Ibnu Miskawih dan pemikirannya Tentang Pendidikan. *Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, 3 (1): 25-32
- H. Mahmud. (2011). *Pemikiran Pendidikan Islam*. Bandung: Pustaka Setia
- Harery Abu Saad. (2007). *Perkaitan penghayatan akhlak, sikap terhadap sains, pencapaian dan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar dalam konteks pembangunan modal insan bersepadu dalam bidang sains dan teknologi di SMKA*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ibn Miskawayh, A. (1977). *Tahdhib al-akhlaq*. Beirut: Dar Maktabat al Hayat.
- Jacobs, J. Michael. (1996). *Essential assessment criteria for physical education teacher education programs: A Delphi study*. Ed.D Dissertation. West Virginia University.
- Linstone, H.A & Turoff, M. (2002). *The Delphi Method: Techniques and Applications*. <http://is.njit.edu/pubs/delphibook/delphibook.pdf>.
- Mohd. Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman & Rosnaini Hj. Mahmud. (2005). Nilai-nilai murni dan pendidikan bersepadu: Model paradigm tauhid Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4): Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat* (hlm. 311-323). Bangi: Fakulti Pendidikan, Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusof, Alis Puteh & Nurfasihah Roslan (2017). Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, (Special Issue)*: 1-10.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, & Ahmad Arifin Sapar. (2014). *Pengenalan asas kaedah Fuzzy Delphi dalam penyelidikan reka bentuk pembangunan*. Selangor: Minda Interlek Agency
- Mohd. Zamani Ismail & Fatimi Hanafi. (2006). Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum* (hlm. 24-30). Skudai: Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.
- N. Nizar (2016). Pemikiran Etika Ibnu Miskawih. *Journal of Islam and Plurality, 1 (1)* (June): 35-42
- Nuriman Abdullah & Fauzan Syarifuddin (2017). The Influence of Islamic Moral Values on the Students' Behavior in Aceh. *Dinamika Ilmu, 17 (2)*: 275-290
- Okoli, Chitu & Pawlowski, Suzanne. (2004). The Delphi method as a research tool: An example, design considerations and applications. *Information & Management, 42*. 15-29.
- Syafa'atul Jamal (2017). Konsep akhlak menurut Ibnu Miskawih. *Jurnal Pemikiran Islam, 1 (1)*: 51-70
- Tang, C.W. and , Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university, Springer. *Higher Education, 60 (3)*: 269-286.